

KHAMIS

16

06

2016

BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

4 **INOVASI**
Home Dekoponix
tanaman hiasan masa ini



7 **USAHAWAN MUDA**
Kedai gunting rambut
Hafiz popular di USM

12 **JEJAK GRADUAN**
Pengajian bantu terokai
dunia perniagaan

Pameran promosi inovasi penyelidik

Serdang: Pameran Inovasi Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung di Galeri Serdang di sini, baru-baru ini, menampilkan 13 ciptaan baharu dalam bidang reka bentuk dan seni bina.

Fokus utama pameran itu ialah untuk mempromosikan pengkomersialan teknologi dihasilkan UPM, termasuk menggalakkan perbincangan secara langsung antara penyelidik dengan pihak industri.

Antara reka cipta diketengahkan ialah alat penghalau lalat dinamakan He-Pro, perhiasan rumah berasaskan mengkuang, kerusi dan meja sekolah boleh laras, serta sistem rawatan loji kumbahan dikenali sebagai i-STP untuk petempatan di atas air seperti perkampungan air di Sabah.

V11





Fakta
nombor

13 CIPTAAN
dipamerkan UPM

Reka cipta perabot yang menarik perhatian.

Pameran tonjol ciptaan teknologi baharu oleh UPM

info

→ Antara ciptaan baharu dihasilkan ialah alat penghalau lalait dikenali sebagai He-Pro

→ Ciptaan lain hiasan rumah berasaskan mengkuang, kerusi dan meja sekolah boleh laras yang turut dihasilkan rawatan loji kumbahan i-STP.

Oleh Siti Syahirah Suhaimi
bhvarsiti@bh.com.my

► Serdang

Sebanyak 13 ciptaan baharu dalam bidang reka bentuk dan seni bina, termasuk alat penghalau lalait dinamakan He-Pro, ditampilkan pada Pameran Inovasi Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung di Galeri Serdang di sini, baru-baru ini. Reka cipta lain turut

diketengahkan membabitkan perhiasan rumah berasaskan mengkuang, kerusi dan meja sekolah boleh laras bagi menyokong posisi badan pelajar, serta sistem rawatan loji kumbahan dikenali sebagai i-STP untuk petempatan di atas air seperti perkampungan air di Sabah.

Usaha dinamik

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, Dr Suhardin Maulan, berkata fokus utama pameran itu ialah untuk mempro-

mosikan pengkomersialan teknologi dihasilkan UPM. "Kami mahu menggalakkan lagi perbincangan secara langsung antara penyelidik dengan industri, selain meningkatkan potensi kerjasama kedua-dua pihak dari segi kepakaran dan konsultasi.

"Menerusi pameran ini, jaringan antara universiti dengan industri dapat diperluas dan pada masa sama, membantu aspek pengkomersialan teknologi dihasilkan UPM.

"Usaha dinamik ini ternyata membawa manfaat kerana kami berpeluang mengadakan perbincangan lebih terperinci dengan pihak industri," katanya kepada media pada pameran itu.

Mengulas lanjut, Dr Suhardin berkata, inovasi dihasilkan UPM memiliki keistimewaan dan potensi untuk kegunaan pada masa depan.

Penanda aras

Sehubungan dengan itu, beliau berkata, reka cipta berkenaan diharap mendapat sambutan pihak industri dan seterusnya dipasarkan.

"Inovasi terbabit membuktikan tahap kreativiti rakyat semakin melangkah ke hadapan dan mampu menjadi penanda aras pasaran di negara ini," katanya.



Dr Suhardin (dua dari kanan) bersama-sama pengunjung melihat pameran diadakan.



Antara inovasi yang diketengahkan oleh UPM.